

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 35 RABU 30 OGOS, 1967. 1387 رابو 24 جمادي الاول PERCHUMA

Y.T.M. Duli Pg. Muda Mahkota seru belia2

**"Bekerja-lah
memajukan
kebaikan
ra'ayat"**

BANDAR BRUNEI — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah telah menyeru belia di-seluruh negeri supaya menumpukan segala daya usaha dan tenaga mereka untuk membuat kerja2 bagi memajukan kebajikan raayat.

Yang Teramat Mulia itu bersabda, mereka jangan-lah hendak-nya mundur oleh beberapa kesulitan, tetapi sedia berkhidmat kerana kebaikan dan faedah masharakat.

Yang Teramat Mulia telah bersabda demikian, di-upacara meletakkan batu asas bangunan baru Pusat Belia di-Bandar Brunei pada hari Ahad lepas.

Duli Pengiran Muda Mahkota telah melahirkan keshukoran-nya kerana dapat hadir di-upacara itu yang menandakan satu lagi asas kemajuan dan perkembangan negeri ini.

Bangunan baru itu, menurut Duli Pengiran Muda Mahkota ada-lah merupakan sa-buah bangunan yang ulong di-Brunei.

Pembinaan bangunan tersebut sedikit terlambat, di-sebabkan beberapa perkara yang tidak di-jangkakan dan keperluan2 untuk mengkaji semua aspek dengan teliti, supaya segala urusan dan kerja2 itu akan berjalan dengan sempurna dan memberikan faedah kepada sa-bahagian besar belia di-negeri ini.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota mengharapkan, dengan pembinaan bangunan itu, membolehkan perjalanan pergerakan belia di-Brunei memajukan lagi kesenian dan kebudayaan bangsa dan mengadakan kerjasama dengan kerajaan dalam kempen untuk memajukan ke-



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota sedang merasmikan perletakan batu asas bagi pembinaan bangunan Pusat Belia dekat Kampong Berangan berhadapan dengan bangunan Dewan Majlis. Perhatikan juga dalam gambar ini, Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri (Pakaian Melayu), Yang Berhormat Penolong Menteri Kebajikan dan Pos (No.3 dari kanan), Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar (No. 2 dari kanan) dan di-kanan sekali ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.

chekapan membaca, menulis dan pelajaran.

Sa-tiba-nya di-upacara itu, Duli Pengiran Muda Mahkota di-sambut oleh Penolong Menteri Kebajikan dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusoff bin Pengiran Md. Limbang, Pesuruhjaya Kebajikan Masharakat, Awang Salleh bin Haji Masri dan Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan, Awang Zakaria bin Dato Maha Wangsa Haji Sulaiman.

Awang Zakaria berkata pembinaan pusat tersebut di-anggarkan menelan belanja kira2 dua juta ringgit, dan di-jangka selesai pembinaan-nya awal tahun 1969.

Ia-nya akan mempunyai sa-buah kolam bernang mengikut ukoran olympik, sa-buah bilek latehan jasmani, bilek2 urusan rumah tangga, pertukangan, tempat makan dan bilek2 asrama yang berasingan untuk lelaki dan perempuan.

MAJLIS SANTAPAN KERANA

RAIKAN PENGANTIN BARU DI-RAJA

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah mengadakan Majlis Persantapan Di-Raja di-Istana Darul Hana dalam minggu lalu sa-bagai tanda keshukoran atas sempurna-nya berlangsung perkahwinan Di-Raja antara puteri baginda, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof, putera kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.

Para tetamu yang hadir dalam majlis itu, termasuk-lah anggota2 Kerabat Di-Raja,

Pembesar2 Negara, Ahli2 Majlis2 Mashuarat dan Ketua2 Jabatan Kerajaan.

Di-Pekarangan Istana telah di-adakan pertunjukkan kebudayaan dan aneka warna serta satu pertunjukkan permainan bunga api.

Pesta2 sambutan di-Istana kerana merayakan perkahwinan Di-Raja itu telah di-tamatkan sa-chara rasmi pada hari Juma'at lepas dengan berlangsung-nya istiadat menutup Gendang Jaga-Jaga Di-Raja, bertempat di-Balai Pemajangan Indera Kenchana.

Tembakan meriam sa-banyak 19 das telah di-lepaskan.

456 chalun masoki peperiksaan Cambridge antara-nya 123 chalun persendirian

BANDAR BRUNEI—Sa-ramai 456 orang chalun akan memasoki peperiksaan Senior Cambridge dalam bulan November tahun ini.

Chalun2 itu terdiri dari penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Saint Angela's Convent, Maktab Anthony Abell, Sekolah St. Margaret, Sekolah St. Michael dan Sekolah St. Andrews.

Di-antara chalun2 yang memasoki peperiksaan ia-lah 123 orang chalun persendirian.

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin akan mengemukakan bilangan chalun yang terbesar ia-itu 151 orang dan St. Angela's Convent yang pada tahun lalu berjaya mendapatkan peratus yang paling tinggi dari penuntut2 yang lulus dengan pangkat pertama akan mengemukakan 31 orang chalun.

Chalun2 tersebut akan dibahagikan kepada dua tempat peperiksaan.

Sa-ramai 266 orang penuntut akan mengambil peperiksaan mereka di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei sementara yang baki-nya akan menjalani peperiksaan di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Sementara itu sa-ramai 1,430 orang chalun akan memasoki peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran pada tahun ini. Pada tahun lalu, 700 orang pelajar lelaki dan perempuan telah memasoki peperiksaan tersebut.

Setiausaha Peperiksaan, Awang Kifli Bujang berkata, 207 orang dari chalun2 itu adalah merupakan chalun2 persendirian. Mereka akan memasoki peperiksaan untuk mendapatkan sijil aliran Melayu.

Chalun2 yang lain-nya ter-

diri pelajar2 dari sekolah2 Inggeris dan Melayu di-seluruh negeri ini.

Sa-ramai 736 orang pelajar termasuk 69 orang chalun2 persendirian memasoki peperiksaan untuk mendapatkan sijil aliran Inggeris.

Bagi sijil Melayu, SMMP dengan 373 orang chalun-nya

mengemukakan chalun2 yang terbesar sekali.

Chalun2 itu akan menjalani peperiksaan tersebut di-empat buah pusat, ia-itu di-Maktab SOAS dan Sekolah Melayu Puser Ulak dalam Bandar Brunei dan Maktab Anthony Abell dan Sekolah St. Michael di-pekan Seria.

BRUNEI RAIKAN SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN KE-1400 TURUN-NYA AL-KORAN

BANDAR BRUNEI — Hari Ulang Tahun Nuzul Al-Koran yang ke-1400 akan di-sambut sa-chara besar2an di-negeri Brunei dalam bulan Disember tahun ini.

Perayaan2 tersebut akan diadakan di-sabua Mahligai yang pada masa ini sedang dalam pembenaan di-dalam kawasan lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei.

Mahligai itu di-jadualkan akan selesai pembenaan-nya sa-belum perayaan itu di-adakan.

Mahligai itu berbentuk sabua bahtera Di-Raja Melayu di-zaman silam dan di-anggar-kan menelan belanja sa-banyak kira2 sa-tengah juta ringgit.

Mahligai itu juga akan digunakan untuk perjumpaan2 agama dan sa-bagai tempat untuk di-adakan pertandingan membacha Kitab Suchi Al-Koran.

Menurut Islam, Kitab Suchi Al-Koran telah di-turunkan dalam bulan Ramadan yang mana tahun ini jatuh pada bulan Disember.

Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menubuhkan sa-buah jawatankuasa terdiri dari 37 orang anggota dengan Yang

Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin sebagai pengerusi-nya untuk merancang perayaan2 sambutan itu.

Buat sementara ini, jawatankuasa tersebut telah menandatangani perayaan2 sambutan itu sa-lama tujuh hari di-peringkat daerah dan negeri yang di-ambil bahagian oleh kanak2 sekolah, persatuan2 belia dan orang2 dewasa.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, tujuan utama dari perayaan2 sambutan itu ia-lah untuk memberikan pengertian sa-chara mendalam kepada umat Islam di-negeri ini bahawa Al-Koran ada-lah Kitab Suchi yang telah di-wahyukan oleh Allah kepada junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w.

Sa-panjang perayaan2 sambutan itu, akan di-adakan majlis2 sharahan mengenai Islam yang akan di-sampaikan oleh Ulama2 Islam dari Mesir, Indonesia, Malaysia dan lain2 negara Islam.

Peraduan "instrumental" di-K. Belait

KUALA BELAIT — Jawatankuasa Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan bagi daerah Belait telah memutuskan hendak mengadakan peraduan kumpulan2 'instrumental' dalam pertunjukan aneka warna yang akan di-adakan di-Kuala Belait sa-lama lima hari mulai 22 September.

Pertunjokn aneka warna itu akan juga mengadakan hiburan2 yang akan di-persembahkan oleh sekolah2 dalam daerah itu.

Pada 20 September, satu pertandingan membacha Kitab Suchi Al-Koran akan di-adakan di-masjid Kuala Belait.

Jawatankuasa tersebut juga telah memutuskan akan mengadakan pertunjukan bunga orkid.

Sa-orang juruchakap bagi jawatankuasa sambutan itu berkata, bunga orkid dan gubahan bunga akan di-pamerkan sa-panjang perayaan2 itu bertempat di-sabua padang kecil di-sebelah bangunan KBRC.

Achara2 lain dalam perayaan2 sambutan itu termasuk-lah pertunjukan bayi, perlawanan terek kalat dan peraduan ratu Hari Keputeraan.

Kolam bernang yang moden di-Bandar Brunei akan siap penghujung tahun ini

BANDAR BRUNEI — Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan, Awang Zakaria bin Haji Sulaiman telah mengumumkan kemajuan2 sa-lanjut-nya dalam pembenaan kolam bernang dekat Bandar Brunei.

Kolam bernang itu di-jangka siap pembenaan-nya sa-belum hujung tahun ini untuk memberikan satu lagi kemudahan2 tambahan kepada raayat Brunei.

Kolam bernang itu merupakan sa-bahagian dari rangkaian stadium, satu2-nya projek yang di-umumkan oleh kerajaan dalam tahun 1965 untuk memajukan sokan dan olah raga di-kalangan raayat.

Awang Zakaria berkata, sabua kolam besar akan di-bena sa-laras dengan darjah international untuk penggunaan bernang, terjun dan bermain "water polo".

Kolam besar itu mempunyai enam lorong yang di-perbuat dengan menggunakan batu marmar yang berkilat.

Kolam bernang itu mempunyai ukuran dalam ayer yang bermacam2, dari tiga kaki sa-tengah kepada 15 kaki di-bahagian yang paling dalam.

Alat2 kelengkapan yang berukuran biasa mengandungi alat2 penanda bendera, pintu gol water polo, dua buah papan terjun yang mempunyai spring yang panjang-nya satu meter, sa-buah papan terjun yang mempunyai spring yang berukuran tiga meter dan juga papan2 terjun yang tidak mempunyai spring yang masing2 panjang-nya lima dan 10 meter. Kelengkapan ini akan di-terangi dengan lampu2 bagi pertandingan di-waktu malam.

Sa-buah kolam bernang bagi kanak2 juga sedang di-bena. Kolam itu mempunyai ayer sa-dalam dua kaki.

Awang Zakaria sa-terus-nya berkata, alat2 kelengkapan yang moden untuk menapis dan membersekan ayer sedang dipasang.

Tempat2 dudok yang ber-tingkat2 akan di-dirikan berdampingan dengan kolam2 tersebut yang boleh menempatkan sa-ramai 350 orang penuntut. Kawasan meletak kereta yang luas akan di-adakan untuk kenderaan2 bas, kereta dan basikal.

PERINGKAT PEMBENAAN BANGUNAN SETOR2 KERAJAAN

BANDAR BRUNEI - Kerja2 pailing peringkat kedua pembenaan bangunan setor2 kerajaan di-Jalan Gadong dekat Bandar Brunei akan selesai tidak lama lagi.

Pembenaan tersebut, termasuk gudang2 dan pejabat perbekalan itu akan di-mulakan sa-baik2 sahaja kerja pailing itu siap di-jalankan.

Kerja2 peringkat pertama berjalan dengan lancar-nya dan ia-nya di-jadualkan selesai menjelang akhir tahun ini.

Pengawal Setor2 Kerajaan, Awang Anthony Newn berkata, tujuan pembenaan gudang2 itu ada-lah untuk menyimpan barang2 makanan yang perlu untuk menchukopi keperluan penduduk2 negeri ini, sa-lama sa-tahun dalam masa dharurat.

Kata-nya, rangkaian setor yang meliputi pejabat2 bagi pegawai dan kaki-tangan itu, di-anggarkan menelan belanja kira2 \$5½ juta.

CHENDERAMATA2 UNTUK PENGANTIN BARU DI-RAJA



Gambar BPUI ini menunjukkan ketika Pengantin baru Di-Raja, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof dalam masa menjalani Istiadat Bersanding dalam Istiadat Muleh Tiga Hari.

MAJLIS KESHUKORAN DAN DO'A KEBAHAGIAAN PENGANTIN DI-RAJA

BANDAR BRUNEI — Pasangan Pengantin Baru Di-Raja, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dan suami-nya Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof telah di-raikan dalam satu majlis keshukoran di-Dewan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama pada hari Ahad lepas.

Majlis itu telah di-anjarkan oleh Pengiran2 di-seluruh Negeri Brunei bagi menyampaikan keshukoran mereka atas selamat-nya berlangsung istiadat perkahwinan Di-Raja itu dan sa-terus-nya menyampaikan chenderamata kenangan untuk kedua2 pengantin baru Di-Raja itu.

HIDUP RUKUN DAMAI





Menerusi pengurus majlis itu, Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim dalam ucapan-nya telah menyampaikan do'a restu dari seluruh pengiran2 agar kedua2 suami isteri pengantin baru Di-Raja itu akan sentiasa hidup dalam arti kata rukun dan damai serta mem-

perolehi kebahagiaan.

Membalas ucapan itu, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof telah menyatakan penghargaan-nya suami isteri atas majlis yang di-anjarkan dan terutama-nya sekali atas chenderamata yang telah di-berikan oleh pengiran2 itu.

Majlis keshukoran itu telah di-hadiri antara-nya oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, Kerabat2 Di-Raja, Penulong2 Menteri, Ketua2 Jabatan dan orang2 kenamaan di-Brunei.

Majlis itu telah di-akhiri dengan bacaan do'a selamat yang di-sampaikan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Haji Yusof.



Gambar2 di-sa-belah kanan nombor 1 dan 2 dari atas ia-lah chenderamata untuk pengantin Di-Raja persembahan dari Pengiran2 seluruh Negeri Brunei. No. 3 dari atas ia-lah chenderamata persembahan dari orang2 yang mendapat penchen2 dari Kerajaan. Sementara yang bawah sekali ia-lah chenderamata persembahan dari Pegawai2 Kanan Kerajaan.

30 Ogos, 1967.

BELIA DENGAN KEMUDAHAN

BELIA2 di-Brunei sekarang ini agak-nya sudah pun melegakan perasaan masing2 dari di-chalari oleh suatu perasaan yang beranggapan tentang kemunduran di-sebabkan ketiadaan "gelanggang" yang khusus bagi mereka. Anggapan ini boleh-lah di-katakan "maseh panas lagi" dalam pendengaran kita di-laung2kan oleh mereka.

Pernah pegawai2 dari Jabatan Kebajikan Masyarakat menekankan tentang sungutan belia2 di-negeri ini yang hampir keseluruhannya berkisar dari soal2 layanan yang wajar terhadap mereka dan mereka ingin benar mengetahui dasar Kerajaan terhadap pertubuhan2 Belia.

Tentang ini, beberapa kali pernah di-tegaskan oleh Pesuruhjaya Kebajikan bahawa Kerajaan ada-lah mempunyai chita2 yang khusus terhadap kaum belia supaya mereka benar2 merupakan satu kumpulan tenaga yang bertanggungjawab terhadap negara dan bangsa bagi sama2 menjaga keamanan dan menambahkan kemaamorannya dengan penghasilan yang boleh mengemukakan Brunei ka-mata Dunia sa-bagai sa-buah negara yang benar2 aman dan ma'amor sa-panjang masa.

Untuk kepentingan seluruh belia, Kerajaan telah membuat peruntukan lebih dari dua juta ringgit untuk membina sa-buah Pusat belia yang moden yang di-lengkapi dengan kelengkapan2 yang sa-perlu-nya seperti Dewan, khutub khandah, dewan2 permainan dan berbagai2 lagi kelengkapan yang khusus dalam memberikan urad nadi pergerakan belia.

Batu asas bagi pembinaan Pusat Belia itu telah pun sempurna di-laksanakan perletakannya oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolkiah yang dalam ucapan-nya telah mengesakan betapa bangganya Putera Mahkota ini pada menilik keperluan2 yang di-khususkan untuk kaum belia di-negeri ini yang sa-chara langsung mensifatkan diri-nya sa-bagai sa-orang belia yang sering mengikuti perkembangan belia di-negeri ini.

Yang Teramat Mulia itu, disamping membentangkan kemudahan2 yang di-bekalkan kepada kaum belia, juga telah membuat seruan agar supaya Belia2 Brunei benar2 menumpukan perjuangannya mereka ka-arah kesempurnaan rayat dan mengembangkannya luaskan perkembangan kebudayaan yang kita waris turun temurun.

Memang kena-lah pada tempat-nya tugas2 yang utama itu di-sedari oleh seluruh belia di-negeri ini dan memperaktikkan sa-suatu yang berfaedah selaras dengan kehendak2 zaman dan bersesuaian dengan keperibadian bangsa.

Menyebut mengenai keperluan2 belia yang di-usahakan oleh Kerajaan itu sama-lah seperti kata pepatah Melayu: "Perahu sudah di-ayar dan pengayoh sudah di-tangan".

PEMBENAAN LAPANGAN TERBANG BARU

PENYIASATAN TELAH SELASAI

BANDAR BRUNEI — Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan, Awang Zakaria bin Haji Sulaiman mengumumkan bahawa kerja2 penyiasatan ka-atas kawasan lapangan terbang baru yang di-ranchangkan untuk negeri Brunei telah pun selesai.

Penyiasatan ka-atas kawasan itu telah di-mulakan lewat tahun lalu dan di-jalankan oleh jurutera2 dari sharikat penasihat Scott dan Wilson, Kirkpatrick and partners.

Lapangan terbang yang di-chadangkan itu terletak di-Berakas, 5½ batu dari Bandar Brunei.

Awang Zakaria menyatakan, lapangan terbang baru itu akan mempunyai landasan sa-panjang 12,000 kaki, untuk menampung kapal2 terbang jet dari jenis2 yang berat.

Landasan itu ada-lah dua kali ganda panjang-nya dari landasan lapangan terbang pada masa ini.

Awang Zakaria menegaskan,

kerajaan akan membina lapangan terbang itu dengan tujuan melepaskan Brunei dari kedudukan mengadakan hanya perkhidmatan2 sa-tempat atau bertugas sa-bagai menyumbangkan perkhidmatan.

Kata-nya, perhubungan2 udara merupakan urat-nadi kepada Brunei dan amat penting untuk menyelenggarakan hubungan yang chepat dengan lain2 negara di-Asia Tenggara.

Lapangan terbang baru itu akan di-perlengkapkan dengan kemudahan2 yang tinggi mutunya untuk kesenangan pengembara2 dan kemudahan2 pendaratan bagi keselamatan kapal terbang yang besar.

Pegawai2 Jabatan Kemajuan melawat kawasan pelabohan di-Republik Singapura

BANDAR BRUNEI — Dua orang pegawai Jabatan Kemajuan, Awang A. R. Head dan Awang Yahya bin Haji Harris telah berlepas ka-Singapura pada hari Sabtu lepas kerana mengadakan lawatan sambil belajar, mengenai pembangunan perusahaan dan kawasan2 pelabohan di-republik itu.

Selama sa-minggu di-Singapura, mereka akan mengadakan perundingan dengan pegawai2 Lembaga pelabohan republik itu, tentang pembangunan pelabohan.

Awang Head berkata, perundingan2 akan berkisar mengenai pembinaan pelabohan Muara ranchangan kerajaan. Kata-nya, Brunei juga chenderong dalam bidang perusahaan.

an.

Kedua2 orang pegawai itu juga akan melawat ka-rangkaian perusahaan di-Jurong.

Sementara itu, turut bertolak ka-Singapura ia-lah Setiausaha Peperiksaan Awang Kifli Bujang, kerana menghadhiri persidangan mengenai peperiksaan2 Sijil Rendah Pelajaran LCE dan Sijil Persekolahan di-Kuala Lumpur.

Dalam persidangan yang akan di-hadhiri juga oleh perwakilan dari Singapura, Sarawak, Sabah dan Malaysia Barat itu, mereka akan membincangkan antara-nya chara2 menyeliakan peperiksaan tersebut, dan mengenai masa'alah2 yang ada hubungan dengan-nya.

Lebih satu juta untuk ranchangan memperbaiki kedudukan bekalan ayer Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Kerja Raya telah melancharikan tiga ranchangan tambahan bagi memperbaiki kedudukan bekalan ayer di-kawasan Bandar Brunei.

Ini ia-lah ranchangan mengesankan ayer yang terbang, pembinaan sa-buah ampangan kecil di-Sungai Kianggeh dan ranchangan menggunakan samula ayer tirsan.

Ranchangan mengesan ayer yang terbang bertujuan untuk mengurangkan pembaziran ayer. Menurut penyiasatan Jabatan Kerja Raya baru2 ini, sa-jumlah besar bekalan ayer terbang begitu saja.

AYER SUNGAI

Ranchangan Sungai Kianggeh meliputi kerja2 mengepam ayer dari sungai itu ka-dalam ayer Tasek melalui saluran2 ayer dan alat2 pengepam yang sedang di-bena dengan menelan belanja kira2 \$1½ juta.

Pukul rata satu juta gallon ayer akan di-pam sa-hari dari Sungai Kianggeh, melalaui ampangan yang di-bena untuk menampung ayer itu.

Di-bawah ranchangan menggunakan sa-mula ayer tirsan, maka ayer yang meresap dari kolam Tasek akan di-kumpulkan sa-mula dengan di-pam sa-mula ka-dalam kolam ayer itu.

MUTU AYER

Jabatan Kerja Raya juga mengadakan satu lagi ranchangan untuk memperbaiki mutu ayer dari kolam ayer Tasek.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya yang menyatakan demikian berkata, usaha tersebut di-jalankan dengan peluasan kerja pembersehan ayer di-Tasek.

Ia-nya melibatkan pembenaan tangki2 pembekalan udara, perubahan dan tambahan kerja2 penapisan dan champoran ubat2 kimia yang ada sekarang.

Ranchangan yang telah pun di-jalankan itu akan menelan belanja kira2 \$785,000.

BALAI PEMERIKSAAN IMIGERESAN

KUALA BELAIT. — Sa-buah balai pemeriksaan imigeresen akan di-adakan di-Sungai Tujoh, dekat dengan sempadan Brunei dengan Sarawak apabila steshen kastam di-situ siap pembinaan-nya.

Sa-orang juruchakap Jabatan Imigeresen berkata, steshen kastam di-Sungai Tujoh yang sedang di-bena sekarang telah di-bentuk sa-begitu rupa untuk menempatkan juga balai pemeriksaan imigeresen itu.

Balai pemeriksaan imigeresen yang ada sekarang ini di-Kuala Belait akan di-robohkan atau pun di-gunakan kerana tujuan2 lain.

Pembinaan steshen baru kastam dan balai imigeresen itu ada-lah mustahak kerana bertambah banyak-nya lalu lintas dan pengembara2 di-antara kawasan di-sebelah kanan tebing sungai Belait dengan kawasan sempadan.

Steshen kastam yang baru itu telah di-ranchangkan khusus untuk memberikan kesenangan sa-penoh-nya kepada orang ramai yang berulang alek itu.

Turut di-adakan nanti ia-lah jalan keluar masuk yang berasingasan bagi pengembara2 serta juga bangsal2 yang berasingan untuk kerja2 pemeriksaan ka-atas barang2 muatan.

BERIBU2 ORANG SAKSIKAN PERARAKAN DI-AYER

INGATKAN KEMBALI KETIKA BRUNEI DI-ZAMAN PURBA

BANDAR BRUNEI — Pengantin baru Di-Raja Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof, telah di-arak dalam satu perarakan di-ayer pada minggu lalu untuk mengenalkan diri mereka kepada raayat jelata, di-Kampong Ayer dengan di-saksikan oleh beribu2 orang dari sekitar Kampong Ayer dan tebing Sungai Brunei.

Perarakan itu telah menghidupkan kembali satu isti'adat Di-Raja, di-zaman purba, yang telah tidak di-adakan sejak dulu kala.


Sa-panjang perarakan di-jalankan, pasangan Di-Raja itu, telah bersanding dalam sa-buah Gagandung Di-Raja, yang di-hiaskan, khusus kerana perarakan Di-Raja itu, di-dahului dengan alat2 kebesaran Di-Raja, terdiri dari sinipit, pedang dan tombak.

Satu pembaharuan dalam isti'adat Di-Raja zaman purba itu, ia-lah ada-nya pancharam2 Pasokan Pulis Di-Raja Brunei, dan Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei, yang turut serta dalam perarakan Di-Raja itu.

Perarakan Di-Raja itu, di-mulakan dari tambatan kastam, Bandar Brunei.

Lebih dari 100 buah kenaikan berhias, telah mengiringi Gagandung Di-Raja itu ka-Sungai Lampai, Kampong Setia, Kampong Saba, Kampong Burong Pingai, Perayeran Istana Darul Hana dan Kampong Tamoi, sa-belum kembali samula ka-tambatan kastam.


Di-antara kenaikan2 berhias, yang berada di-belakang Gagandung Di-Raja itu ia-lah kenaikan2 Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanul Bolkiah, dan Duli Pengiran Isteri Anak Saleha, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, serta pemangku Menteri Besar.



Pengantin baru Di-Raja, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dan suami-nya Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof ketika menjalan istiadat perarakan di-sungai Brunei di-atas sa-buah 'Gagandung Di-Raja' untuk memperkenalkan kedua mempelai Di-Raja itu kepada raayat jelata.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha dengan di-iringi oleh Pengarah Laut, Awang Jack Turner berangkat menuju ka-sabua kenaikan untuk turut serta dalam perarakan di-laut bagi pengantin baru Di-Raja.



Gambar ini menunjukkan 'Gagandung Di-Raja' yang di-hiasi dengan peralatan2-nya yang di-buat sa-bagai kenaikan kedua Pengantin Baru Di-Raja dalam perarakan di-ayer.



Kenaikan laut yang di-beri nama 'Perahu Adai-Adai' ini ia-lah di-antara beberapa buah kenaikan berhias yang menarik perhatian ramai dalam mengiringi perarakan laut bagi mempelai Di-Raja itu.

Wakil Brunei di-perlawanan bola sepak Piala Borneo pada 15-17 Sept.

BANDAR BRUNEI - Pesatuan Bola Sepak Brunei akan menghantarkan satu pasukan enam belas orang pemain ka-Sandakan untuk mengambil bahagian dalam perlawanan bola sepak Piala Borneo.

Perlawanan bola sepak di-antara Brunei, Sarawak dan Sabah akan di-mulakan pada 15 September dan berakhir 17 September.

Setiausaha persatuan tersebut, Awangku Idris bin Pengiran Kerma Indera berkata, persatuan itu telah memilih 22 orang pemain untuk berlatih.

Enam belas orang yang terbaik akan di-pilih untuk mewakili Brunei ka-perlawanan itu.

*Gunakan-lah Bahasa
Melayu*

460 permohonan untuk dapatkan tanah di-Tutong

BANDAR BRUNEI — Pejabat Tanah telah mengumumkan bahawa permohonan2 sa-belum tahun 1955 untuk mendapatkan tanah dalam daerah Tutong akan di-serahkan kepada kerajaan tidak lama lagi untuk mendapatkan keputusan.

Sa-banyak 460 permohonan telah di-daftarkan untuk mendapatkan tanah dalam daerah itu.

Pesuruhjaya Tanah, Awang B. C. Cartland telah pergi ka-Pejabat Tanah, Tutong pada minggu lalu untuk membincangkan permohonan2 tersebut dengan Pegawai Tanah Daerah Tutong sa-belum permohonan2 itu di-serahkan kepada kerajaan.

Beliau berkata, hanya 60 permohonan akan di-serahkan pada suatu ketika untuk mendapatkan keputusan.

Baru2 ini kerajaan telah memberikan geran mati ka-atas 68 bidang tanah yang berjumlah sa-banyak 430 ekar, dan geran sa-lama 60 tahun ka-atas dua bidang tanah yang meliputi 8.77 ekar dalam daerah Temburong.

Geran2 tanah itu ada-lah di-antara permohonan2 sa-belum tahun 1955 untuk mendapatkan tanah dalam daerah tersebut.

Awang Cartland berkata, kerja2 mengenai permohonan untuk mendapatkan tanah

PERLAWANAN TAREK KALAT ANJORAN "PATUH"

BANDAR BRUNEI — Persatuan 'PATUH' akan menganjurkan perlawanan tarek kalat untuk menyambut dan meraikan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang ka-51 pada bulan hadapan.

Perlawanan itu ada-lah terbuka kepada Persatuan2 Belia, Jabatan2 Kerajaan, kampung2 dan Sharikat2 perniagaan di-dalam daerah2 Brunei/Muara dan Tutong.

Sa-orang juruchakap Persatuan 'PATUH', Pengiran Tuah bin Pengiran Mohamad Daud berkata, pasukan2 yang mengambil bahagian akan di-had-

kan kepada 15 orang dan perlawanan2 itu akan di-jalankan mengikut sistem kalah mati.

Bayaran masuk bagi memasuki perlawanan itu ia-lah \$10.00 bagi tiap2 pasukan.

Borang2 masuk dan butir2 lanjut boleh di-dapati daripada Pengiran Tuah, di-alamat Radio Brunei, Bandar Brunei.

Ahli2 tinju Bandar Brunei gundul kemenangan besar

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan akhir dalam perlawanan kejohanan tinju amateur sa-negeri Brunei telah berlangsung di-Dewan Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Brunei pada malam Ahad lepas.

Semua yang berjaya telah mendapat kemenangan dengan hitungan mata dan mereka akan di-pilih untuk mewakili Brunei melawan ahli2 tinju Labuan bagi mempertahankan Piala Gibson.

Keputusan2 perlawanan adalah sa-perti berikut:

Bahagian Special Atom Weight Mahmood mengalahkan Jalil Ahmad.

Bahagian Fly Weight: Martin Loh mengalahkan Billy Chong.

Bahagian Bantam Weight: Yunus bin Haji Tudin mengalahkan Raub Seruddin.

Bahagian Bantam Weight Special: Nikman bin Mohammed Noor mengalahkan Ak. Mahmud bin Pgn. Haji Othman.

Bahagian Feather Weight: Rajumie Anis mengalahkan Abu Mansor dan Bakar Omar mengalahkan Rajumie Anis.

Bahagian Feather Weight Khas: Peter Chiang mengalahkan Kim Kang.

Bahagian Welter Weight: Terrence Boyd mengalahkan Billy Ahmad.

Bahagian Light Weight: Mohammad bin Haji Tudin mengalahkan Besar Hidup.

Hadih2 telah di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua Persatuan Tinju Amateur Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Mohammad.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari Rabu 30 Ogos, 1967 hingga ka-hari Selasa 5 Sept., 1967 ada-lah saperti bi-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
30 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
31 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
1 Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13	
2 Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13	
3 Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13	
4 Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13	
5 Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Permainan "Beradu Nasib" memang tidak di-benarkan

BANDAR BRUNEI - Kerajaan dalam minggu lalu telah memberikan penjelasan mengenai keputusan-nya memerintahkan penutupan gerai2 permainan di-pasar ria di-padang besar, Bandar Brunei pada minggu lalu.

Gerai2 itu telah di-buka pada 8 Ogos apabila pasar ria itu di-mulakan sa-bagai sa-bahagian dari pesta2 sambutan untuk merayakan Perkahwinan Di-Raja.

Satu kenyataan yang di-terbitkan oleh Pejabat Setia Usaha Kerajaan berkata dalam minggu lalu, kerajaan sa-benar-nya ada memberikan kebenaran untuk mengadakan pasar ria, di-Padang Besar, Bandar Brunei.

Kebenaran telah di-berikan untuk mengadakan permainan2 yang berupa menggunakan kemahiran para pemain-nya.

Kebenaran untuk mengadakan permainan2 yang berupa "Beradu Nasib" atau "Game of Chance" tidak pernah di-berikan.

Pengerusi Jawatankuasa Pasar Ria mendapati bahawa permainan2 yang telah di-adakan di-gerai2 itu ada-lah bertentangan dengan kebenaran asal yang di-berikan.

Sa-telah menimbangkan permohonan itu, kerajaan dengan teliti dan telah menolak permohonan itu atas alasan bahawa permainan2 tersebut adalah merupakan permainan2 "Beradu Nasib".

Kenyataan itu sa-lanjut-nya menyatakan, kerajaan tidak pernah memberi kebenaran untuk mengadakan permainan2 yang berupa "Beradu Nasib" sa-perti menggolek bola2 pingpong atau bola2 golf di-atas papan menuju ka-dalam lobang yang berwarna atau bernombor.

STEM2 KHAS BAGI INGATI ULANG TAHUN NUZUL AL-KORAN

BANDAR BRUNEI - Kerajaan Brunei akan menerbitkan stem2 khas bagi memperingati Hari Ulang Tahun Nuzul Al-Koran dalam bulan Disember tahun ini.

Stem2 yang berharga 4 sen, 10 sen, 25 sen, dan 50 sen akan di-jual di-semua pejabat2 pos di-negeri ini pada 19 Disember, 1967.

Stem2 itu akan terus di-jual sa-lama tiga bulan atau sahingga stem2 itu telah habis dalam simpanan.

PERARAKAN TANGLONG RAIKAN PENGANTIN DI-RAJA



Salah satu pemandangan dalam temasha perarakan tanglong berjalan kaki dan kereta berhias kerana meraikan pengantin Di-Raja. Dalam perarakan itu sa-banyak 26 pasokan termasuk tiga buah kereta berhias telah mengambil bahagian. Pasokan2 yang mengambil bahagian itu adalah terdiri dari sekolah2 rendah dan menengah, maktab2 dan sekolah2 misi serta dari Jabatan2 Kerajaan. Beribu2 orang telah menyerbu ka-pinggir2 jalan yang di-lalui oleh perarakan itu untuk menyaksikan temasha tersebut. Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Anak Saleha adalah di-antara yang hadir di-samping pembesar2 negara dan putera dan puteri Di-Raja untuk menyaksikan perarakan itu.

ISTIADAT MULEH TIGA HARI



Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof dengan di-tuntun oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar ketika berangkat balek dari Istana ka-rumah ayahanda-nya dalam Istiadat Muleh Tiga Hari.



Istiadat Muleh Tiga Hari bagi pengantin lelaki Di-Raja ketika berangkat balek ka-Istana pada sa-belah malam-nya.



ANI INDA
KAPAMPANAN LAGI,
SANTAR EH!...

GUNAKAN-LAH HAK KEBEBASAN DENGAN
SEBAIK-BAIK-NYA.

PEMANGKU MENTERI BESAR KUNJONGI BANGUNAN BARU DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

BANDAR BRUNEI — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah berkunjung ka-bangunan baru Dewan Bahasa dan Pustaka dalam minggu lalu.

Beliau di-iringi oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar serta pemangku Pesuruhjaya Kemajuan, Awg. Zakaria bin Haji Sulaiman.

Kaki-tangan2 Dewan Bahasa dan Pustaka telah pindah ka-bangunan baru itu pada hari Khamis lepas.

Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dan bangunan Penyiaran dan Penerangan terdiri dari sa-buah bangunan yang tunggal yang mempunyai dua buah bangunan yang berasingan.


Bangunan tersebut menelan belanja kira2 \$3.75 juta dan di-lengkapi dengan serba serbi peralatan yang di-perlukan dan alat2 kelengkapan.

Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka ada-lah mempunyai lima tingkat manakala

bangunan Penyiaran dan Penerangan enam tingkat.

Sa-bahagian dari bangunan ini telah siap untuk di-duduki, tetapi pembukaan rasmi-nya

di-tunda, di-sebabkan kelayakan tiba sa-tengah2 dari peralatan2 yang di-perlukan bagi bangunan Penyiaran dan Penerangan.



Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof (No. 4 dari kanan) ketika mengadakan lawatan ka-bangunan baru Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau telah di-iringi oleh Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan, Awang Zakaria bin Dato Maha Wangsa Haji Sulaiman (di-kiri sekali). Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil (pakai kot hitam) telah memperkenalkan bilek2 bahagian yang terdapat dalam bangunan baru itu.

Bangunan Lapau siap dalam bulan Oktober

BANDAR BRUNEI—Bangunan Lapau yang lengkap dengan sa-buah kolam panchutan ayer dan sa-buah menara sa-tinggi 105 kaki akan siap pembenaan-nya menjelang akhir bulan Oktober tahun ini.

Pembenaan kolam panchutan yang chorak warna ayer-nya sentiasa berubah oleh sinaran lampu2, di-jangka siap menjelang bulan November ini.

Bangunan tersebut akan sentiasa terang benderang di-waktu malam untuk memberikan pemandangan berwarna warni di-Bandar Brunei.

Ia-nya mengandungi sa-buah bilek Majlis Mashuarat Menteri2, sa-buah dewan untuk mengadakan majlis jamuan yang boleh menempatkan 350 orang, beberapa buah pejabat, bilek2 bacaan, sa-buah perpustakaan dan sa-buah kantin.

Satu daripada keistimewaan yang di-lengkapkan di-bangunan itu ialah beberapa buah lampu Chandelier yang besar, mengandungi 282 biji lampu, berat dua tan yang di-bawa dari Vienna.

Lampu2 Chandelier itu di-jangka tiba dalam bulan Februari tahun depan.

Menurut sa-orang juruchap Jabatan Kemajuan yang menyatakan demikian, bahawa kerja2 menanam pokok dan menghiasi kawasan Lapau akan di-mulakan sa-baik2 sahaja kerja pembenaan-nya selesai.

Ini ada-lah untuk memberikan bentuk chorak yang sesuai kepada bangunan Dewan Majlis dan Lapau itu.

KA-THAILAND

BANDAR BRUNEI — Pegawai Haiwan Awang C.V. Subramaniam akan berlepas dengan kapal terbang menuju ka-Thailand hari ini untuk mengkaji keadaan penyakit kaki dan mulut yang menimpa kerbau lembu di-negeri itu.

Awang Subramaniam akan berada di-sana sa-lama dua minggu. Beliau akan juga memerhatikan langkah2 "quarantina" serta suntikan2 penche-gahan.

Sa-lama berada di-Thailand, Pegawai Haiwan itu akan mengadakan perbincangan2 dengan pakar2 Pertubuhan Makanan dan Pertanian, ringkas-nya FAO mengenai penyakit kaki dan mulut yang menyerang ternakan kerbau lembu itu. Beliau juga akan berbincang dengan pegawai2 haiwan dari Jabatan Ternakan Negeri Thai dan pegawai2 Haiwan dari Pertubuhan FAO.

Awang Subramaniam berkata, Brunei ada-lah beruntung kerana bebas dari penyakit ternakan itu. Negeri ini merupakan satu dari sa-bilangan kecil negeri2 di-daerah sini yang mana penyakit tersebut maseh belum merebak.

Penyakit kaki dan mulut itu ada-lah satu2-nya penyakit haiwan yang sangat2 mengorbankan nyawa, terutama sekali apabila penyakit itu di-jangkiti kambing, kerbau lembu dan kambing biri2.

Awang Subramaniam akan singah di-Kuala Lumpur untuk mengadakan perbincangan2 dengan pegawai2 haiwan FAO daerah itu. Beliau juga akan berbincang dengan pengarah perkhidmatan haiwan Malaysia atas masa'alah2 bersama mengenai haiwan, sa-belum pulang ka-negeri ini.

Perayaan perkahwinan Di-Raja telah berakhir

BANDAR BRUNEI — Pesta2 sambutan untuk merayakan perkahwinan Di-Raja di-antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof telah tamat sa-chara rasmi-nya pada hari Jumaat lepas.

Satu tembakan meriam sa-banyak 19 das sa-bagai penghormatan yang menandakan penutupan istiadat Jaga-Jaga di-Istana Darul Hana dan juga mengumumkan penutupan perkarangan Istana kepada orang ramai.

Dengan pembukaan Istiadat Jaga-Jaga pada 31 Julai, perkarangan Istana merupakan sa-buah taman umum dalam mana pertunjukan2 aneka warna dan berbagai jenis hiburan dan pementasan telah di-adakan.

Acharya terakhir dari bermacam2 acharya hiburan dalam ranchangan untuk menyambut dan merayakan perkahwinan Di-Raja telah di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada hari tersebut.

Acharya itu di-adakan dalam bentuk pertunjukan gymnastik dan senaman beramai2 serta tarian2 berkumpul oleh kira2 dua ribu orang kanak2 lelaki dan perempuan dari sekolah2

dalam kawasan Bandar Brunei.

Mempelai Di-Raja itu telah menyaksikan pertunjukan tersebut dari sa-buah pentas yang di-bena khas di-hadapan bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Di-atas pentas kedua pengantin baru Di-Raja itu telah di-apit oleh Pembesar2 Negara, di-ketuai oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolkiah dan Duli Pengiran Issteri Anak Saleha.

Kedua pasangan pengantin Di-Raja itu telah di-hadiahkan dengan sa-karangan bunga bagi pengantin perempuan dan sa-bilah pedang bagi pengantin lelaki oleh Jawatankuasa Sambutan Perayaan2 Perkahwinan Di-Raja.

Hadiah2 itu telah di-persembahkan bagi pihak jawatankuasa tersebut oleh Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Md. Ali bin Awang Besar selaku pengurus jawatankuasa tersebut.



Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof sedang menerima chenderamata yang merupakan sa-bilah pedang dari Pengerusi Tertinggi Jawatankuasa Perayaan Perkahwinan Di-Raja itu, Awang Ali bin Awang Besar sa-bagai hadiah kenangan2 dari jawatankuasa tersebut.